



SIARAN MEDIA

AGENDA UTAMA KPKT TERUS DIPERKASAKAN MENERUSI PENYEDIAAN RUMAH MAMPU MILIK YANG BERDAYA HUNI BAGI KESEJAHTERAAN RAKYAT DI NEGERI JOHOR

JOHOR BAHRU, 5 September 2024 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meneruskan siri jelajah Sentuhan Kasih KPKT ke Negeri Johor sebagai bukti komitmen KPKT dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat di Negeri Johor.

KPKT menerusi Jabatan Perumahan Negara (JPN), Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah membina 26,662 unit rumah di Negeri Johor sehingga 31 Julai 2024 seperti perincian berikut :

- i. Program Perumahan Rakyat (PPR) sebanyak 12,295 unit (14 projek perumahan);
- ii. PR1MA sebanyak 4,479 unit (6 projek perumahan); dan
- iii. SPNB menerusi Rumah Mesra Rakyat (RMR) sebanyak 7,909 unit dan Kediaman SPNB sebanyak 1,979 unit (3 projek perumahan).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah menyempurnakan Simbolik Penyerahan Kunci Rumah Residensi Pelangi Indah di bawah PR1MA. Residensi ini terdiri daripada 720 unit kediaman berkeluasan 850 hingga 1,050 kaki persegi (kps). Ia dilengkapi dengan pelbagai kemudahan komuniti seperti surau, taman permainan kanak-kanak, tadika, taska, dewan serba guna dan bilik mesyuarat.

Residensi Pelangi Indah ini yang siap dibina pada 6 Mac 2023 turut memenangi *Award of Excellence* bagi Kategori Projek Kerajaan sempena Hari *Safety and Health, Environment and Quality* (Hari SHEQ) 2023 anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Menurut YB KM, “KPKT sentiasa berusaha menawarkan unit kediaman mampu milik, berkualiti tinggi serta perancangan bandar yang mampan, lestari dan selesa menerusi jabatan dan agensi di bawahnya demi kesejahteraan rakyat”.

Pada majlis sama, YB KM turut menyaksikan Pelancaran Bomba Komuniti PR1MA Residensi Pelangi Indah yang merupakan satu inisiatif melalui kolaborasi strategik di antara PR1MA dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Penubuhan

Bomba Komuniti ini bertujuan meningkatkan kesedaran keselamatan dan amalan pencegahan kebakaran serta memupuk sikap prihatin dalam kalangan masyarakat setempat.

YB KM juga turut menyerahkan peruntukan sebanyak RM 4 juta untuk Kajian Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Johor Bahru, Johor 2035 (Penggantian) dan Kajian Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Johor 2035 (Penggantian). Selain itu, peruntukan RM 1 juta diserahkan untuk Program Bandar Selamat : Inisiatif Pemutihan Kawasan *Blackspot* bagi memperkukuh agenda bandar mampan dan pintar ke arah perbandaran baharu kepada tiga (3) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Muar, Majlis Perbandaran Kulai dan Majlis Daerah Kota Tinggi. KPKT turut memperuntukkan sejumlah RM3,504,647.84 di bawah Inisiatif Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) kepada 32 buah RIBI di Johor.

YB KM dan pasukan KPKT turut melawat ke lima (5) buah projek dan program lain di bawah seliaan KPKT hari ini iaitu :

- i. Projek menaik taraf Gelanggang Bola Keranjang Kampung Baru Plentong;
- ii. Projek menaik taraf Gerai Jalan Biru, Taman Pelangi;
- iii. Perasmian Pusat Kitar Semula PPR Kempas Permai;
- iv. Projek penggantian 21 Unit Lif PPR Kempas Permai; dan
- v. Premis Pajak Gadai "Dr. Pajak" Bandar Selesa Jaya;

Turut hadir ialah Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru, YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, YB Dato' Haji Mohd Haffiz Bin Haji Ahmad; Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA, YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff; barisan pengurusan tertinggi KPKT dan pemimpin-pemimpin masyarakat tempatan.

Sentuhan Kasih KPKT adalah merupakan platform penjenamaan KPKT bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dan melestarikan perkhidmatan awam yang cemerlang kepada rakyat.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/ agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon: 03-8891 5555 | Faks: 03-8891 5557 | E-mel: media.ukk@kpkt.gov.my

